

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM

DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

GUAMAN SIVIL NO. MT4-22-551-2000

ANTARA

**SELANGOR INDUSTRIAL CORPORATION
SDN BHD**

... PLAINTIF

DAN

DANALIS DISTRIBUTORS SDN BHD

... DEFENDAN

ALASAN PENGHAKIMAN

(Kandungan 10)

- [1] Kandungan 10 ini adalah permohonan pihak Defendan untuk membatalkan tindakan Plaintiff terhadap Defendan menurut Aturan 18 Kaedah 19 (1)(a) atau (b) dan/atau (c) dan/atau (d) Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 (KKM 2012).

[2] Fakta kes menurut pliding yang difailkan adalah seperti berikut:

2.1 Plaintiff (Selangor Industrial Corporation Sdn Bhd) adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang diperbadankan di Malaysia dengan pejabat berdaftarnya di No. 1, Jalan Singa B20/B, Seksyen 20, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

2.2 Defendan (Danalis Distributors Sdn Bhd) juga adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai alamat perniagaan di No. 71, Jalan SS 15/5A, 47500 Subang Jaya, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

2.3 Pada tahun 1991, Plaintiff dan Defendan telah memasuki satu perjanjian usahasama secara lisan (perjanjian tersebut) di mana melalui perjanjian ini Plaintiff bersetuju membiayai dengan kos sendiri pembelian buku-buku, *periodical journals*, jurnal-jurnal, majalah-majalah dan jenis-jenis penerbitan yang lain (stok tersebut), manakala Defendan pula akan bertanggungjawab mengedar dan menjual stok tersebut.

2.4 Adalah menjadi terma-terma perjanjian tersebut seperti berikut:

(i) Defendan akan bertanggungjawab di dalam pengendalian akaun wajar (*keeping proper account*) bagi pembelian dan jualan stok tersebut.

- (ii) Defendan akan menghantar dan memasukkan hasil jualan ke dalam satu Akaun Bersesama yang dibuka atas nama Plaintiff dan Defendan.
- (iii) Bagi tujuan Akaun Bersesama ini Plaintiff menghantar empat (4) pekerjaanya kepada Defendan bagi pengurusan, penyelenggaraan dan pengendalian Akaun Bersesama tersebut.
- (iv) Adalah merupakan prasyarat perjanjian tersebut bahawa laporan bulanan adalah disediakan bersama-sama bagi segala hasil jualan yang diterima daripada penjualan stok tersebut di mana akaun-akaun adalah diteliti dan diaudit oleh juruaudit dan akauntan Plaintiff.
- (v) Plaintiff akan dipampas (reimbursed) daripada Akaun Bersesama tersebut menurut kos pembelian dan margin yang ditetapkan seperti berikut:

	Buku-buku	Jurnal, periodical journals dan lain-lain
Plaintif	40%	60%
Defendan	60%	40%

2.5 Adalah menjadi dakwaan Plaintiff di dalam Penyata Tuntutannya bahawa bayaran terakhir dibuat kepada Plaintiff oleh Defendan adalah pada 30.9.1994.

- 2.6 Adalah menjadi dakwaan Plaintiff juga bahawa pada sekitar Oktober 1994, Plaintiff mendapati Defendan telah mengingkari perjanjian tersebut dan dengan secara frod telah tidak memampas Plaintiff jumlah yang sebenar yang sepatutnya diberikan menurut perjanjian tersebut.
- 2.7 Adalah menjadi dakwaan Plaintiff bahawa Plaintiff memohon dan menuntut daripada Defendan jumlah pampasan sepatutnya diterima Plaintiff daripada Akaun Bersesama tersebut.
- 2.8 Kegagalan pembayaran oleh Defendan telah mengakibatkan tindakan ini diambil oleh Plaintiff terhadap Defendan untuk satu perintah pengakaunan (to account) segala penerimaan hasil jualan stok di bawah perjanjian tersebut dan membayar Plaintiff bayaran yang sepatutnya diterima oleh Plaintiff.
- [3] Defendan walau bagaimanapun telah menentang tindakan Plaintiff dan menimbulkan pembelaan bahawa Plaintiff tidak memberi gambaran yang sebenar dan tepat mengenai Akaun Bersesama tersebut yang mana iaitu seperti berikut:
- (i) Akaun Bersesama tersebut bukanlah dikendalikan atau diuruskan oleh Defendan secara bersendirian tetapi adalah akaun yang dikendali dan diuruskan bersama oleh Plaintiff dan Defendan di mana Plaintiff telah menempatkan 4 orang pekerja Plaintiff di tempat Defendan bagi tujuan pengendalian dan pengurusan Akaun Bersesama tersebut.

- (ii) Adalah menjadi syarat perjanjian bahawa wang di dalam Akaun Bersesama hanya boleh dikeluarkan dengan tandatangan kedua-dua penandatangan yang diwajibkan dan diberi kuasa untuk mengendalikan akaun tersebut. Kedua-dua penandatangan tersebut adalah terdiri dari seorang wakil Plaintiff dan salah seorang pengarah yang dinamakan oleh Defendan.
 - (iii) Pada semua masa yang matan, Plaintiff melalui kakitangannya telah mengambil dan mempunyai kawalan persendirian (sole control) antara lain atas kesemua akaun-akaun, buku-buku, kaki-kaki cek dan dokumen-dokumen berkaitan perjanjian tersebut, Malahan kesemua butiran-butiran dokumentar tersebut masih disimpan dan di dalam kawalan Plaintiff sehingga kini.
 - (iv) Plaintifflah yang sebenarnya telah gagal memperincikan laporan Akaun Bersesama tersebut walaupun permintaan berulang kali dibuat oleh Defendan.
 - (v) Defendan mendakwa segala hasil jualan stok telah dimasukkan ke dalam Akaun Bersesama tersebut.
- [4] Di dalam penyata pembelaannya, Defendan juga telah memplidkan bahawa perjanjian tersebut telahpun tamat pada tahun 1993 apabila tidak ada lagi urusan berkenaan perjanjian tersebut sejak pertengahan tahun 1993 dan oleh yang demikian tuntutan yang

difailkan Plaintiff adalah dihalang oleh batasan masa enam tahun menurut seksyen 6 Akta Had Masa 1953.

Undang-undang mengenai permohonan di bawah Aturan 18 Kaedah 19 KKM 2012

[5] Undang-undang mengenai kuasa budi bicara mahkamah di dalam pembatalan tindakan di bawah Aturan 18 Kaedah 19 (A.18 k.19) KKM 2012 adalah jitu dan mantap. Terlalu banyak otoriti yang telah membincangkan dan memutuskan prinsip-prinsip pemakaian kuasa budi bicara mahkamah di bawah A.18 k.19 ini. Memadai sekiranya mahkamah ini merujuk kepada beberapa kes sebagai panduan dan rujukan.

[6] Di dalam kes ***Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd*** [1993] 4 CLJ 7, prinsip-prinsip undang-undang mengenai kuasa budi bicara mahkamah di bawah A.18 k.19 ini telah diterangkan dengan begitu jelas oleh Mohamed Dzaidin HMA (YAA pada ketika itu) seperti berikut:

“It is only in plain and obvious cases that recourse should be had to the summary process under this rule (per Lindley MR in *Hubbuck & Sons Ltd v Wilkinson, Heywood & Clark Ltd*), and this summary procedure can only be adopted when it clearly seen that a claim or answer is on the face of it “obviously unsustainable” (see *AG of Duchy of Lancaster v L & NWRly & Co*). It cannot be exercised by a minute examination of the documents and facts of the case, in order to see whether the party has a cause of action or a defence (see *Wenlock v Moloney & Ors*). The authorities further show that if there is a point of law which requires serious discussion, an objection should be taken on the pleadings and the point

set down for argument under Order 33 r 3 (which is in pari material with our Order 33 r 2 of the RHC)(see *Hubbuck & Sons Ltd v Wilkinson, Heywood & Clark Ltd*). The court must be satisfied that there is no reasonable cause of action or that the claims are frivolous or vexatious or that the defences raised are not arguable.”

[7] Manakala Vincent Ng H (YA ketika itu) dalam kes **Suppulechemi v Palmco Bina Sdn Bhd [1994] 2 AMR 1191**, di muka surat 1205 penghakimannya telah berkata:

“But in an application under Order 18 r 19 or Order 14, it is still incumbent upon the court to determine whether issues could more appropriately have been decided, without the expence of a full trial with a witnesses and expenditure of the court’s invaluable time. No party in a proceeding is entitled to require the court to accord them valuable time of several days open court viva voce trial only upon mere or bare assertions in their affidavits.

The crucial question the court would have to ask itself in applications under Order 14 or Order 18 r 19(1)-(d) is first, whether the piece or pieces of evidence essential to make out the reasonable prima facie cause of action or a prima facie triable issue of fact are of the nature such that they are adduceable by affidavit evidence; and secondly – if the answer to this question is in the positive – whether such essential prima facie evidence had been so adduced in the supporting affidavits. Such affidavits ought not to contain bare averments but must condescend or come definitely into particulars fro serious argument such that they are sufficient to satisfy the court that there is a reasonable prima facie cause of action or triable issue or issue of fact or law in the defence as the case may be.

...the court must and ought to look at the whole situation and ask itself whether the plaintiff (in an application to strike off a claim) has satisfied the court that he has a bona fide or prima facie cause of action,...

[8] Di dalam kes **Mooney & Ors v Peat Marwick Mitchell & Co & Anor [1967] 1 MLJ 87** Raja Azlan Shah J (DYMM pada ketika itu) di muka surat 88 telah menyatakan seperti berikut:

“It is firmly established that the power exercisable under r. 4 “is only appropriate in cases which are plain and obvious so that a judge can say at once that a statement of claim as it stands is insufficient, even if proved, to entitle the plaintiff to the relief of which he ask for”: See the judgment of Lindley MR in *Hubbuck & Sons v Wilkinsons Heywood & Clark Ltd.*⁽¹⁾ Where the situation arises, the pleadings and particulars alone shall be considered and all the allegations in it shall be presumed to be true, and it is only on that assumption that any storable case can be made for this application: see *Peck v Russell.*⁽²⁾ The court cannot and indeed is not empowered to look behind the pleadings and particulars if it discloses a reasonable cause of action. So long as the statement of claim discloses some ground of action, the mere fact that the plaintiff is not likely to succeed on it at trial is no ground for it to be struck out: see *Boaler v Holder.*⁽³⁾ A recent exposition of the law is afforded by the judgment of Danckwerts LJ in *Wenlock v Moloney.*⁽⁴⁾:

“Under the rule (ie. O. 25 r. 4) it had to appear on the face of the plaintiff’s pleadings that the action could not succeed or was objectionable for some other reason. Not evidence could be filed... But, as the procedure was of a summary nature the party was not to be deprived of his right to have his case tried by a proper trial unless the matter was clear.”

After stating that the former rules are now incorporated in the revised Rules of the Supreme Court, O. 18 r. 19, he continues:

“But this summary jurisdiction of the court was never intended to be exercised by a minute and protracted examination of the documents and facts of the case in order to see whether the plaintiff really has a cause of action. To do that is to usurp the position of the trial judge.” ...”

- [9] Berbalik kepada permohonan di hadapan mahkamah ini, benarkah seperti yang diujahkan oleh peguam bijaksana bagi pihak Defendan bahawa kes ini adalah suatu kes yang sesuai dan patut bagi mahkamah ini menggunakan kuasa budi bicaranya di bawah A.18 k.19 untuk membatalkan tuntutan Plaintiff.
- [10] Bagi menyokong permohonannya di Kandungan 10, Defendan telah memfailkan dua affidavit yang diikrarkan oleh Ahmad Ali bin Abdul Me Min, Pengarah Urusan Defendan bertarikh 14.7.2014 (Kandungan 11) dan 8.8.2014 (Kandungan 13).
- [11] Defendan telah memohon Mahkamah ini membatalkan tuntutan Plaintiff terhadap Defendan atas dua (2) alasan yakni:
- (i) tuntutan Plaintiff yang telah difailkan pada 25.8.2000 adalah dihalang oleh batasan masa enam tahun.
 - (ii) memandangkan tindakan ini telah difailkan pada tahun 2000 dan setelah hampir 14 tahun Plaintiff tidak mengambil apa-apa langkah untuk meneruskan tindakannya sehinggalah pada tahun 2014 Plaintiff baru memfailkan dokumen-dokumen bagi membangkitkan kembali tindakannya, maka dengan ini terdapat kelewatan dan kelengahan yang melampau di pihak Plaintiff di dalam meneruskan tindakan ini terhadap Defendan yang mana Plaintiff telah berdiam diri dan duduk di atas haknya selama 14 tahun. Plaintiff justeru itu telah akuisens '*acquiescence*' akan haknya itu dan Plaintiff hendaklah dihalang

daripada meneruskan tindakan terhadap Defendan kerana kelewatan dan kelengahan melampau ini telah memprejudiskan Defendan.

[12] Adalah dihujahkan bagi pihak Defendan bahawa tuntutan Plaintiff untuk satu perintah pengakaunan (to account) hasil yang diperolehi daripada perjanjian usahasama yang dimasuki secara lisan pada tahun 1991 dan pembayaran jumlah hasil yang gagal dibayar oleh Defendan kepadanya adalah dihalang oleh batasan masa kerana perjanjian itu telah pun ditamatkan pada pertengahan tahun 1993. Menurut Defendan selepas pertengahan tahun 1993 tiada sebarang lagi hubungan kontraktual di antara Plaintiff dan Defendan. Peguam terpelajar Defendan telah menghujahkan bahawa kausa tindakan Plaintiff ini adalah berasaskan kontrak dan apabila tiada lagi urusan perniagaan antara kedua Plaintiff dan Defendan serta terputusnya hubungan kontraktual tersebut, maka kausa tindakan bermula atau terakru pada pertengahan tahun 1993. Plaintiff yang hanya telah memfailkan tindakan ini pada 25.8.2000 yakni tujuh (7) tahun daripada kausa tindakan terakru, maka tuntutan Plaintiff adalah dihalang oleh batasan masa menurut Seksyen 6 Akta Had Masa 1953.

[13] Malahan menurut peguam Defendan lagi, sekiranya dokumen-dokumen Plaintiff dirujuk, transaksi terakhir Plaintiff dan Defendan adalah pada tahun 31.12.1992 dan dengan itu dapat dilihat bahawa tindakan Plaintiff sememangnya adalah dihalang oleh batasan masa. Untuk menyokong hujahannya, peguam telah merujuk kepada kes **Hj**

Husin Hj Ali & Ors v Datuk Hj. Mohamed Yaacob & Ors & Other cases [1983] CLJ (Rep) 165.

[14] Peguam Defendan juga telah menghujahkan bahawa Plaintiff telah melengah-lengah tindakannya selama tempoh hampir 14 tahun yang mana selepas pemfailan tindakan ini pada tahun 2000, selain daripada Notis Pra Perbicaraan Pengawasan Kes bertarikh 25.4.2001 yang dieksibitkan di dalam Afidavit Jawapan Plaintiff, Plaintiff telah tidak berbuat apa-apa untuk meneruskan tindakannya. Plaintiff telah hanya memfailkan dokumen-dokumen sewajarnya untuk perbicaraan pada tahun 2014. Justeru itu, terdapat kelewatan yang tidak munasabah dan kelengahan melampau di pihak Plaintiff di dalam menegakkan haknya. Peguam Defendan telah menghujahkan bahawa Plaintiff telah akuisens '*acquiescence*' akan haknya dan pihak Defendan telah bergantung kepada akuisens '*acquiescence*' Plaintiff tersebut, maka Plaintiff sewajarnya dihalang daripada meneruskan tindakannya terhadap Defendan. Di samping itu juga, kelewatan tidak munasabah dan kelengahan melampau Plaintiff itu telah memprejudiskan Defendan iaitu:

- (i) masa yang begitu lama dan panjang mengakibatkan Defendan telah tidak dapat mengambil tindakan yang munasabah serta menyukarkan Defendan untuk membela tindakan terhadapnya.
- (ii) tempoh masa 13 tahun yang begitu panjang ini tidak membolehkan Defendan mencari bukti dokumen atau

keterangan untuk mengemukakan pembelaan yang lengkap dan penuh terhadap tuntutan Plaintiff terhadapnya.

- (iii) tempoh masa yang begitu panjang tidak membolehkan Defendan mencari saksi-saksi bagi menegakkan pembelaan Defendan untuk membela tindakan ini.
- (iv) Defendan terpaksa membuat semakan atas dokumen-dokumen yang tidak boleh dikesan dan terdapat saksi-saksi yang disenaraikan untuk dipanggil Defendan telahpun meninggal dunia.
- (v) empat kakitangan Plaintiff yang ditempatkan di tempat Defendan tidak dimaklum sama ada masih bekerja dengan Plaintiff atau sebaliknya.
- (vi) memandangkan akaun yang dibuka adalah Akaun Bersesama dan juga dikendalikan oleh empat pekerja Plaintiff, dokumen-dokumen dan laporan-laporan tidak ada di dalam milikan Defendan, tetapi berada di dalam milikan Plaintiff. Defendan perlu mengesan pembuat dokumen-dokumen dan laporan-laporan tersebut dan usaha-usaha mengesannya sememangnya sukar bagi Defendan untuk melaksanakannya.

[15] Peguam Defendan juga telah menghujahkan bahawa Plaintiff telah gagal memberi penjelasan yang memuaskan dan menasabah bagi kelewatan tidak munasabah dan kelengahan melampau ini. Untuk

ini, peguam Defendan telah merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes **Vasudevan v T.Demodevan & Anor [1981] 2 MLJ 150** dan juga kes **Peak Hua Industries Bhd v Peak Hua Holdings Bhd & Ors [2005] 6 MLJ 266**.

- [16] Plaintiff telah menentang permohonan Defendan dengan memfailkan Affidavit Jawapan yang diikrarkan oleh Mazlina Merican iaitu Pengurus Kanan Plaintiff (Kandungan12).
- [17] Plaintiff telah menafikan tindakannya dihalang batasan masa dan menegaskan bahawa tindakannya terhadap Defendan bukan sahaja berdasarkan kepada perjanjian usahasama lisan yang dimasuki oleh kedua pihak tetapi juga terhadap pengendalian Akaun Bersesama tersebut.
- [18] Peguam terpelajar Plaintiff telah menghujahkan bahawa kausa tindakan tidak bermula dari tarikh perjanjian tetapi dari tarikh berlakunya pelanggaran perjanjian yakni apabila Defendan telah memperolehi atau mengutip hasil jualan stok dan gagal menyerahkan hasil perolehan yang sepatutnya kepada Plaintiff. Bagi tujuan penentuan bilakah berlakunya pelanggaran ini, adalah dihujahkan bagi pihak Plaintiff bahawa ianya adalah persoalan fakta yang hanya boleh ditentukan oleh mahkamah di dalam perbicaraan penuh dengan pemanggilan saksi-saksi.
- [19] Adalah juga telah dihujahkan seterusnya bagi pihak Plaintiff bahawa memandangkan Akaun Bersesama itu berteraskan amanah maka

adalah menjadi kewajiban dan tanggungjawab Defendan untuk menunjukkan Akaun Bersesama secara tulus dan *bona fide*. Plaintiff selanjutnya menghujahkan bahawa Akaun Bersesama tersebut telah mewujudkan pertanggungjawaban amanah dan fidusiari ke atas Defendan yang memerlukan Defendan memberi keterangan di dalam perbincaraan penuh bagi perkara-perkara berikut: i. bilakah stok-stok yang dibekalkan oleh Plaintiff itu telah terjual oleh Defendan?; dan ii. kepada siapakah stok-stok itu dijual oleh Defendan?; dan iii. pada harga apakah stok-stok itu dijual oleh Defendan?; dan iv. bilakah hasil jualan dikutip oleh Defendan?; dan v. samada setiap hasil kutipan dimasukkan ke dalam Akaun Bersesama oleh Defendan?; dan vi. adakah dari hasil kutipan tersebut, bahagian kepunyaan Plaintiff telah diagihkan kepadanya?.

[20] Dengan kewujudan tanggungjawab fidusiari, amanah (trust) dan pengamanahan (trustee) ini, peguam terpelajar Plaintiff menghujahkan bahawa bahawa batasan masa tidak terpakai kepada tuntutan Plaintiff dan Plaintiff bergantung kepada kepada seksyen 22 Akta Had Masa 1953. Untuk hujahan ini, Plaintiff telah bergantung juga kepada kes-kes berikut: **i. ESPL (M) Sdn Bhd v Radio & General Engineering Sdn Bhd [2004] 4 CLJ 674.** **ii. Newacres Sdn Bhd v Sri Alam Sdn Bhd [1991] 3 CLJ 278.** **iii. Takako Sakao v Ng Pek Yuen & Ors [2010] 1 CLJ 381.**

[21] Plaintiff juga mendakwa bahawa wujud perlakuan frod di pihak Defendan dan ini diketahui berlakunya pada sekitar bulan Oktober 1994 apabila pembayaran terakhir dibuat oleh Defendan pada

30.9.1994 berjumlah RM3000.00 di mana Plaintiff telah mendapat tahu bahawa Defendan tidak meremitkan sepenuhnya hasil yang sepatutnya diterima oleh Plaintiff ke dalam Akaun Bersesama. Di dalam hal frod ini, peguam Plaintiff menghujahkan bahawa memandangkan Plaintiff telah hanya mengetahui perlakuan frod tersebut pada Oktober 1994 dan Defendan yang tidak memplidkan bahawa perlakuan frod itu berlaku lebih awal dari Oktober 1994, maka kausa tindakan Plaintiff telah hanya terakru pada Oktober 1994 dan memandangkan tindakan ini telahpun difailkan pada 25.8.2000, oleh itu menurut seksyen 29 Akta Had Masa 1953, tuntutan Plaintiff adalah di dalam tempoh masa enam tahun.

[22] Plaintiff telah menafikan bahawa terdapatnya kelewatan tidak munasabah dan kelengahan melampau di pihaknya di dalam meneruskan tindakan. Menurut Plaintiff, pada 25.4.2001 Plaintiff telahpun memfailkan Notis untuk menghadiri Pra Perbicaraan Pengawasan Kes dan notis ini telah dieksibitkan sebagai Eksibit 'MM-3' di dalam Kandungan 12.

[23] Di samping itu di perenggan 14 Kandungan 12, Plaintiff telah meletakkan kesalahan kelewatan tersebut ke atas mahkamah dengan menyatakan bahawa kelewatan yang timbul adalah disebabkan fail yang tidak dapat dikesan atau hilang.

Isu batasan masa

[24] Untuk menentukan samada tuntutan Plaintiff adalah dihalang masa atau tidak, mahkamah terlebih perlu menentukan apakah sebenarnya tuntutan Plaintiff terhadap Defendan dan bilakah kausa tindakan itu bermula atau terakru. Mahkamah di awal penghakiman telah menyatakan bahawa relif yang dituntut oleh Plaintiff adalah satu perintah pengakaunan dan terbit dari pengakaunan tersebut menuntut Defendan membayarnya jumlah hasil yang sepatutnya dibayar oleh Defendan hasil dari penjualan stok. Mahkamah ini berpendapat bagi memberi gambaran yang lebih jelas tentang apa yang sebenarnya telah dihidkan oleh Plaintiff di dalam penyata tuntutannya bagi menuntut haknya atas obligasi Defendan di dalam perjanjian tersebut, perenggan-perenggan yang relevan perlu diperturunkan. Perenggan-perenggan yang relevan tersebut adalah perenggan 6,7 dan 8 dan diperturunkan di bawah ini.

6. **Defendan telah untuk kali terakhir membuat bayaran sebahagian kepada Plaintiff sejumlah RM3,000.00 melalui cek PAB bernombor 708210 pada atau lebih kurang 30.9.1994 terhadap jumlah yang terhutang kepada Plaintiff dan yang Plaintiff berhak di bawah Perjanjian tersebut.**
7. **Pada atau lebih kurang Oktober 1994, Plaintiff mendapati bahawa Defendan telah secara frod dan melanggar Perjanjian tersebut tidak menghantar dan memasukkan jumlah sepenuhnya hasil jualan Stok ke dalam Akaun Bersesama tersebut.**
8. **Plaintif telah kemudiannya meminta dan menuntut Defendan untuk memberi akaun kepada Plaintiff untuk hasil jualan dan juga bahagian marjin**

untung yang Plaintiff berhak di bawah Perjanjian tersebut tetapi secara salah dan melanggar Perjanjian tersebut, Defendan telah gagal untuk memberi akaun kepada Plaintiff secara yang diminta oleh Plaintiff atau sama sekali.

[25] Namun begitu, setelah Defendan di dalam pernyataan pembelaannya menafikan tuntutan Plaintiff dan mengemukakan pengatahan bahawa Akaun Bersesama itu bukanlah urusan Defendan secara bersendirii tetapi di bawah pengendalian bersama-sama Plaintiff dan Defendan di mana Plaintiff sendiri telah menempatkan empat pekerjaanya ke tempat Defendan bagi urusan Akaun Bersesama tersebut, dan akaun-akaun dan laporan-laporan diaudit oleh juruaudit dan akauntan Plaintiff sendiri. Plaintiff telah di dalam Jawapan kepada Pembelaan telah memplidkan pengatahan-pengatahan berikut pula:

2.3 Defendan telah secara frod dan melanggar dengan Perjanjian tersebut tidak menghantar dan tidak memasukkan jumlah sepenuh bayaran hasil-hasil jualan Stok yang diterima daripada pelanggan-pelanggan/ pembeli-pembeli ke dalam Akaun Bersesama (seperti yang ditakrifkan dalam Penyata Tuntutan).

Butir-Butir

- a. Defendan telah menggunakan hasil-hasil jualan tersebut untuk tujuannya sendiri tanpa sebarang akaun kepada Plaintiff.
- b. Defendan telah memasukkan hasil-hasil jualan tersebut atau sebahagiannya ke dalam akaun banknya sendiri.

2.4 Hasil jualan yang tidak diakaunkan sedemikian (*such unaccounted for sale proceeds*) telah diterima oleh Defendan, setakat mana bahagian yang

Plaintif berhak di bawah Perjanjian tersebut, bagi atau untuk kegunaan Plaintiff (*for or to the use of the Plaintiff*).

[26] Daripada pliding yang difailkan oleh Plaintiff, boleh disimpulkan bahawa aduan Plaintiff terhadap Defendan adalah Defendan tidak memasukkan jumlah sepatut dan sepenuhnya bayaran hasil-hasil jualan stok yang diterima daripada pelanggan ke dalam Akaun Bersesama tersebut dan telah menggunakan hasil-hasil tersebut untuk tujuan sendiri.

[27] Justeru apakah sebenarnya kausa tindakan Plaintiff atau apakah asas tuntutan Plaintiff daripada pliding tersebut dan apakah hak yang mahu dikuatkuasakan Plaintiff dan bila hak ini bermula?

[28] Secara prinsipnya had masa akan hanya bermula apabila kausa tindakan terakru dan timbul di atas Plaintiff. Bila sesuatu kausa tindakan itu terakru atau bermula telah dinyatakan oleh Sir Binod Mitter di dalam kes **Bolo v Koklan AIR 1930 PC 270** di muka surat 331 yang telah dirujuk oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes **Nasri v Mesah [1971] 1 MLJ 32** dan dipetik di sini:

“There can be no ‘right to sue’ until there is an accrual of the right asserted in the suit and its infringement, or at least clear and unequivocal threat to infringe that right by the defendant against whom the suit is instituted.”

[29] Di dalam kes **Nasri v Mesah [1971] 1 MLJ 32**, telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan bahawa bagi tindakan-tindakan pelanggaran kontrak atau perjanjian, had masa di bawah Akta Had

Masa 1953 bermula dari tarikh perlanggarannya. Di dalam kes ini Gill HMP (YAA pada masa itu) setelah merujuk kepada kata-kata Sir Binod Mitter di dalam kes Bolo v Koklan telah menjelaskan frasa kausa tindakan dengan berkata di muka surat 34:

“A ‘cause of action’ is the entire set of fact that gives rise to an enforceable claim; the phrase comprises every fact which, if traversed, the Plaintiff must prove in order to obtain judgment (per Lord Esher MR in Read v Brown (1888) 22 QBD 128 at p 131.) In Reeves v Butcher [1891] 2 QB 509 at p 511 Lindley LJ said:

‘This expression, “cause of action”, has been repeatedly the subject of decision, and it has been held, particularly in Hemp v Garland LR 4 QB 519, decided in 1843, that the cause of action arises at the time when the debt could first have been recovered by action. The right to bring action may arise on various events; but it has always been held that the statute runs from the earliest time at which an action could be brought.’

In Board of Trade v Cayzer, Irvine & Co [1927] AC 610, Viscount Dunedin described “cause of action” as that which makes action possible. Now, what makes possible an action founded on a contract is its breach. In other words, a cause of action founded on a contract accrues on the date of its breach. Similarly, the right to sue on a contract accrues on its breach. In the case of actions founded on contract, therefore, time runs from breach (per Field J in Gibbs v Guild 8 QBD 296 at p 302). In the case of actions founded on any other right, time runs from the date on which that right is infringed or there is a threat of its infringement (see Bolo’s case). It would seem clear, therefore, that the expressions ‘the right to sue accrues’, the cause of action accrues’ and ‘the right of action accrues’ mean one and the same thing when one speaks of the time from which the period of limitation as prescribed by law should run.” (Penekanan oleh mahkamah ini)

[30] Di dalam kes ini, pihak-pihak tidak mempertikaikan bahawa perjanjian yang dimasukkan adalah perjanjian usahasama secara lisan dan

kedua-dua pihak bersetuju bahawa Plaintiff akan dipampas (reimbursed) menurut kadar-kadar margin yang dipersetujui dan Plaintiff akan dibayar daripada hasil jualan stok yang diperolehi oleh Defendan. Untuk mendakwa bahawa terdapatnya pemecahan obligasi di pihak Defendan di bawah perjanjian tersebut, apa yang Plaintiff telah lakukan hanyalah membuat dakwaan bahawa Defendan telah tidak membayar jumlah yang sepatutnya kepadanya tanpa merujuk kepada mana-mana dokumen yang menunjukkan Defendan tidak membayar jumlah yang sepatutnya. Plaintiff hanya telah mengatakan bahawa bayaran terakhir Plaintiff terima daripada Defendan adalah sekeping cek PAB 708210 pada 30.9.1994 berjumlah RM3000.00 dan sekitar Oktober 1994 mendapati terdapat perlakuan frod Defendan yang tidak memasukkan jumlah sepenuhnya ke dalam Akaun Bersesama.

- [31] Di dalam keadaan di mana dakwaan yang dibuat oleh Plaintiff hanya sekadar pengataan semata-mata tanpa merujuk kepada mana-mana dokumen yang menunjukkan Defendan tidak membayar jumlah yang sebenarnya kepada Plaintiff, maka persoalannya adakah ini memadai untuk menunjukkan kausa tindakan Plaintiff bermula pada waktu itu seperti diujahkan oleh peguam Plaintiff. Benarkah Plaintiff telah mengetahui kononnya perlakuan frod itu pada Oktober 1994, sedangkan tidak ada langsung dokumen menunjukkan sedemikian bagi menyokong pengataannya. Sekiranya benarlah Plaintiff telah mengetahui pada sekitar Oktober 1994 bahawa Defendan telah gagal membayarnya jumlah yang sebenarnya kepadanya, perkara yang paling wajar dan masuk akal '*sensible*' dibuat oleh Plaintiff apabila

haknya terhadap jumlah yang sebenar dilanggar '*infringed*' adalah mengemukakan atau mengeluarkan notis tuntutan kepada Defendan untuk mengakaunkan hasil sebenarnya yang diterima ataupun menuntut supaya Defendan membayar kepada Plaintiff jumlah yang sepatutnya dibayar. Dengan pengeluaran notis sedemikian bolehlah dibuat satu penentuan bahawa kausa tindakan Plaintiff bermula pada tarikh tersebut apabila Plaintiff menyedari bahawa Defendan telah tidak bertindak jujur. Tidak ada sebarang dokumen pun telah dieksibitkan oleh Plaintiff di dalam Afidavit Jawapannya untuk menunjukkan sedemikian. Ketidakwujudan apa-apa dokumen untuk menyokong pengataan Plaintiff bahawa Plaintiff mengetahui bahawa jumlah sebenarnya tidak dibayar oleh Defendan menjadikan pengataan Plaintiff sebagai pengataan kosong semata-mata.

- [32] Undang-undang adalah mantap bahawa untuk Plaintiff mendakwa perlakuan frod atau tidak jujur oleh Defendan, Plaintiff bukan sahaja perlu memplidkan perlakuan frod atau tidak jujur Defendan tersebut, tetapi Plaintiff hendaklah juga memberi butiran-butiran terperinci perlakuan tersebut. Memplid frod atau tidak jujur semata-mata tanpa memberi butiran bagaimana dan keadaan perlakuan frod atau tidak jujur tersebut dilakukan adalah tidak mencukupi dan memadai. Prinsip undang-undang mengenai pliding berkenaan ini boleh dirujuk kepada pemerhatian yang telah dibuat oleh Mohamed Dzaidin HMP (YAA ketika itu) di dalam kes **United Merchant Finance Bhd v Majlis Agama Islam Negeri Johor [1999] 2 AMR 1561** di mana di muka surat 1572-1573, YAA telah menyatakan berikut:

“On counsel’s submission that the defence did not consist of bare allegation of fraud but the defendants had sufficiently explained it in the defence, it is a settled rule of practice that where fraud and dishonesty is material, this must be clearly pleaded, if not explicitly, then in such terms that the reader of the pleading can be left in no reasonable doubt what is being alleged. Further, where an element in the alleged fraud or dishonesty relied on is the other party’s knowledge of a given fact or state of affairs, this must be explicitly pleaded (*Lipkin Gorman v Karpnale Ltd* [1989] FLR 137; [1992] 4 All ER 409, CA). In the instant case, we can only look at the defence since the supporting affidavit was rejected by the trial Judge. On this basis, it is clear to us that paragraphs 5 and 6 of the defence do not candescent to particulars of all alleged fraud. Merely pleading that even it the two fixed deposit receipts were issued and renewed (which the defendants denied) and that they had been done so without due authority and/ or in fraud of the defendants is not enough. The defendants must state with sufficient particularity the circumstances how the two fixed deposit receipts were allegedly issued in fraud of the defendants. For the above reason and in the light of the principles of pleading which must be duly observed, we cannot agree with counsel’s contention that the defence contains a sufficient plea of fraud.” (penekanan oleh mahkamah ini)

- [33] Berpandukan kes **United Merchant Finance Bhd v Majlis Agama Islam Negeri Johor**, adalah dapatan mahkamah ini bahawa di dalam kes ini hujahan peguam Plaintiff yang kausa tindakan bermula pada Oktober 1994 apabila Plaintiff pada masa itu telah mengetahui perlakuan frod atau tidak jujur Defendan di mana Defendan telah tidak membayarnya hasil sebenar dari penjualan stok adalah tidak dapat diterima kerana ianya adalah sekadar pengataan kosong yang tiada sokongan dan tiada butiran-butiran mengenainya dan pengataan sebegitu tidak mencukupi atau memadai untuk suatu dakwaan atau pli perlakuan frod oleh Defendan.

[34] Di dalam keadaan ini, apabila dakwaan atau pli Plaintiff atas perlakuan frod atau tidak jujur Defendan tidak dapat dipertahankan, bilakah sebenarnya kausa tindakan Plaintiff terakru atau bermula? Mahkamah ini telah membuat penelitian ke atas dokumen-dokumen Plaintiff dan setelah meneliti secara terperinci dokumen-dokumen Plaintiff di Eksibit 'MM-1' dari muka surat 1-298 dan Eksibit 'MM-2' dari muka surat 299-723 dalam Afidavit Jawapan Plaintiff di mana dokumen-dokumen tersebut adalah bukti pembekalan stok kepada Defendan dan bayaran-bayaran yang telah dibayar kepada Plaintiff oleh Defendan yang telah dikemukakan oleh Plaintiff bagi membuktikan kesnya terhadap Defendan, mahkamah ini bersependapat dengan peguam Defendan bahawa ternyata dari dokumen-dokumen tersebut transaksi terakhir yang direkodkan adalah bertarikh 31.12.1992 iaitu di muka surat 634-689 Eksibit 'MM-2'. Selepas daripada 31.12.1992, tiada lagi rekod yang menunjukkan hubungan kontraktual di antara Plaintiff dan Defendan. Di dalam hal ini, Plaintiff telah cuba bergantung kepada baucer bayaran yang dikeluarkan oleh Defendan atas cek 708210 yang dikatakan bertarikh 30.9.1994 tetapi apabila Mahkamah ini meneliti baucer tersebut di muka surat 723 Eksibit 'MM-2' baucer tersebut adalah baucer yang tidak bertarikh atau tidak mempunyai tarikh. Malahan kononnya di muka surat 722 Eksibit 'MM-2', Plaintiff telah meletakkan indeks dokumen bahawa terdapatnya resit rasmi yang dikeluarkan oleh Plaintiff pada 7.9.1994 kepada Defendan di muka surat 724 tetapi sebenarnya didapati tidak ada muka surat 724 ataupun resit rasmi itu tidak dieksibitkan di Eksibit 'MM-2'.

[35] Dalam keadaan pliding dan affidavit Plaintiff yang sedemikian, mahkamah ini tidak dapat tidak bersetuju dengan Peguam Defendan bahawa kausa tindakan Plaintiff telah bermula apabila hubungan kontraktual di antara Plaintiff dan Defendan berakhir apabila tiada lagi transaksi antara keduanya pada pertengahan tahun 1993. Plaintiff sendiri telah tidak menafikan langsung atau menentang balas perenggan 12 Penyata Pembelaan Defendan yang memplidkan bahawa perjanjian tersebut telahpun tamat dalam pertengahan tahun 1993 dan tiada lagi sebarang urusan berkenaan Perjanjian tersebut selepas itu. Kalau dirujuk kepada Eksibit 'MM-2' yang merupakan dokumen-dokumen Plaintiff bagi menyokong tuntutan terhadap Defendan, melalui perjanjian usahama itu terbentuk satu hubungan kontraktual di antara Plaintiff dan Defendan bagi pembelian stok oleh Plaintiff dan pengedaran serta penjualan stok oleh Defendan dengan hasil perolehan penjualan stok dibahagikan mengikut margin yang dipersetujui. Apabila tiada lagi transaksi antara keduanya pada pertengahan tahun 1993 yang mana Plaintiff tidak lagi membuat pembelian dan tidak ada lagi penjualan, makanya hubungan kontraktual itu telah pun berakhir. Adalah dapatan mahkamah ini bahawa apa-apa aduan atau ketidakpuasan atau pelanggaran obligasi pihak-pihak di bawah perjanjian tersebut hendaklah dibuat atau dituntut dalam tempoh enam tahun dari tarikh berakhirnya perjanjian ini. Tambahan pula, dokumen-dokumen Plaintiff sendiri menunjukkan bahawa transaksi terakhir yang direkodkan adalah pada 31.12.1992 dan tiada dokumen yang menunjukkan tarikh terkemudian dari itu, yang dalam tempoh enam tahun ke 25.8.2000, maka, dengan ini apabila tindakan ini difailkan oleh Plaintiff pada

25.8.2000, tindakan Plaintiff sememangnya di luar had masa enam tahun yang diperuntukkan oleh seksyen 6 Akta Had Masa 1953.

- [36] Perlu juga dinyatakan bahawa penentuan isu had masa di dalam kes ini tidak memerlukan pemutusannya dibuat dengan pemanggilan saksi-saksi di suatu perbicaraan penuh yang pastinya akan melibatkan kos pihak-pihak dan masa berharga mahkamah ini kerana melalui pliding-pling dan affidavit yang difailkan, isu had masa sudah boleh ditentukan oleh mahkamah seperti yang telah diputuskan di atas tadi. (sila lihat kes **Suppulechemi v Palmco Bina Sdn Bhd [1994] 2 AMR 1191**)

Isu amanah dan tanggungjawab fidusiari Defendan yang dibangkitkan oleh Plaintiff

- [37] Peguam Plaintiff di dalam menegaskan bahawa tuntutan Plaintiff tidak dibatasi oleh had masa telah juga menghujahkan bahawa tuntutannya terhadap Defendan bukan hanya setakat hubungan kontraktual yang timbul atau terbit dari perjanjian usahasama lisan tersebut tetapi juga adalah berdasarkan tugas fidusiari dan amanah Defendan di dalam mengendalikan dan menguruskan Akaun Bersesama tersebut. Menurut peguam terpelajar Plaintiff lagi apabila Defendan gagal mengakaunkan hasil yang diperolehi oleh Defendan daripada penjualan stok dengan jujur dan *bona fide*, maka terdapat pemecahan tugas fidusiari dan amanah di pihak Defendan. Peguam Plaintiff telah bersandar kepada pengamanahan yang timbul dari Akaun Bersesama dan telah menghujahkan bahawa seksyen 22 Akta

Had Masa 1953 terpakai di mana tiada batasan masa terhadap kes berasaskan pengamanahan atau amanah.

- [38] Di sebaliknya, Peguam terpelajar Defendan telah berhujah balas bahawa di dalam Penyata Tuntutan Plaintiff tidak langsung memplidkan bahawa Akaun Bersesama itu adalah akaun amanah. Menurut Peguam Defendan lagi, perkara mengenai akaun amanah ini hanya telah ditimbulkan oleh Plaintiff di dalam penghujahan bertulis peguamnya. Di samping itu Defendan menafikan dengan keras bahawa Akaun Bersesama tersebut adalah akaun amanah seperti yang ditimbulkan peguam Plaintiff tetapi merupakan Akaun Bersesama yang dibuka bagi tujuan perakaunan hasil jualan daripada stok tersebut. Menurut Defendan, Akaun Bersesama tersebut bukanlah dikendali atau dikawal sepenuhnya dan secara *sole control* oleh Defendan untuk menimbulkan tanggungjawab fidusiari dan amanah di pihak Defendan. Adalah ditegaskan bagi pihak Defendan bahawa Akaun Bersesama tersebut ia adalah dikendali dan diuruskan bersama-sama oleh Plaintiff dan Defendan. Malahan menurut Defendan lagi untuk operasi Akaun Bersesama tersebut Plaintiff telah menempatkan empat (4) orang pekerja bernama Rajmah Shaari dan Faridah Ayob (Bahagian akaun), Zakaria Yusof (Bahagian Penghantaran) dan Mary Verghese (Bahagian Journal) di tempat Defendan. Seterusnya menurut Defendan lagi, adalah merupakan prasyarat perjanjian tersebut bahawa laporan bulanan adalah disediakan bersama-sama bagi segala hasil jualan yang diterima daripada penjualan stok tersebut di mana akaun-akaun adalah diteliti dan diaudit oleh juruaudit dan

akauntan Plaintiff sendiri. Adalah selanjutnya diujahkan oleh peguam Defendan lagi, pengataan-pengataan mengenai penempatan empat pekerja Plaintiff dan akaun-akaun diaudit oleh juruaudit dan akauntan Plaintiff sendiri tidak langsung dinafikan oleh Plaintiff di dalam plidingnya ataupun Afidavit Jawabannya bagi menentang permohonan Kandungan 10.

- [39] Mahkamah ini bersependapat dengan peguam Defendan bahawa pengataan Akaun Bersesama itu adalah akaun amanah sememangnya tidak diplidkan oleh Plaintiff di dalam plidingnya. Undang-undang adalah mantap dan jitu bahawa Plaintiff adalah terikat dengan plidingnya. (Sila lihat **i. Janagi v Ong Boon Kiat [1971] 1 LNS 42. ii. Superintendent of Lands and Surveys Department Bintulu Division & Anor v Agiak Bungkg & Ors [2012] 1 MLJ 335. iii. RHB Bank Bhd (substituting Kwong Yik Bank Bhd) v Kwan Chew Holdings Sdn Bhd [2010] 2 MLJ 188. iv. The Chartered Bank v Yong Chan [1974] 1 MLJ 157. v. Pembinaan SPK Sdn Bhd v Jalinan Waja Sdn Bhd [2014] 2 MLJ 322. vi. State Government of Perak v Muniandy [1986] 1 MLJ 490. vii. Astrovlanis Compania Naviera AS v Linard [1972] 2 QB 611, [1972] 2 All ER 647. viii. Spedding v Filzpatrick 1888 38 Ch D 410 at p 413. ix. Thomson v Birkley (1882) 31 WR 230. x. Boustead Trading (1985) Sdn Bhd v Arab Malaysian Merchant Bank Berhad [1995] 4 CLJ 283.)**

- [40] Namun begitu, walaupun isu Akaun Bersesama berkonsepkan amanah atau pengamanahan ini tidak langsung diplidkan oleh Plaintiff

di dalam plidingnya tetapi bagi maksud kesempurnaan, mahkamah ini akan menentukan juga isu ini berdasarkan pliding dan affidavit-afidavit, sama ada betulkah bahawa Akaun Bersesama tersebut merupakan akaun amanah. Untuk itu, berapa kes berkenaan amanah atau pengamanahan adalah dirujuk.

- [41] Di dalam kes **Yong Nyee Fan & Sons Sdn Bhd v Kim Guan & Co Sdn Bhd [1979] 1 MLJ 182**, Hashim Yeop A Sani H (YAA pada ketika itu) di dalam membincangkan berkenaan amanah telah berkata di muka surat 188 seperti berikut:

“It has been found difficult to give a satisfactory definition of a trust but it has been accepted that the most satisfactory definition is by Professor Keeton which definition is that a trust is the relationship which arises wherever a person called the trustee is compelled in equity to hold property, real or personal, and whether by legal or equitable title, for the benefit of some persons (whom he may be one) or for some object permitted by law, in such a way that the real benefit of the property accrues, not to the trustee, but to the beneficiaries or other objects of the trust.” (penekanan oleh mahkamah ini)

- [42] Manakala Abdul Malik Ishak H (YA ketika itu) di dalam kes **Pathma d/o Naganather & Anor v Nivedita d/o Naganather [2002] 6 MLJ 361** di dalam membincangkan mengenai jenis-jenis amanah, samada amanah nyata, amanah konstruktif (constructive trust) dan amanah tersirat (implied trust), YA telah menyatakan berikut di muka surat 412:

“At common law, there are three types of trusts that are recognized, namely, express, the implied and the constructive trusts. An express trust is

created when the settler expressly creates the trust for the benefit of the third party or the settler himself as a beneficiary. An express trust can be created formally or informally. In a situation where the settler uses 'clear and unequivocal words' (*Wan Naimah v Wan Mohamed Nawawai* [1974] 1 MLJ 41) in order to manifest his intention to create the trust, there would not be a problem to determine the existence of the trust. An implied trust arises where the circumstances prevailing require the law to presume that a trust was intended to be in existence despite the absence of specific language creating an express trust. A unique example of such a trust would be the resulting trust. In essence, a resulting trust arises by presumption where one party buys a piece of property and registers it in the name of a second party in circumstances where the first party has supplied the money for the purchase. In this way, the registered proprietor is presumed to hold the property on trust for the person who has supplied the money. In *Dharmaratna v Dharmaratna* [1939] MLJ 310, the presumption that the property was a gift to the registered party was quite overwhelming where the first party that supplied the money was in loco parentis to the second party.

A constructive trust, on the other hand, is sometimes referred to as an implied trust. A case in point would be where the court in exercising its equitable jurisdiction, impose a trust on a party who has the control of the property of which he is not entitled to. The trust is presumed to exist otherwise it would be difficult for a person claiming the beneficial interest to the property to stake his claim. It is pertinent to note that constructive trusts have developed by leaps and bounds (*Boase v Cluny Rubber Estate Ltd* [1913] 1 FMSLR 130; *Paruvathy d/p Murugiah v Krishnan s/o Doraisamy* [1983] 2 MLJ 121 and *Muschinski v Dodds* (1985) 160 CLR 503) over the years." (Penekanan oleh mahkamah ini)

[43] Berbalik kepada kes di hadapan mahkamah ini, adalah fakta-fakta yang tidak dipertikaikan bahawa Akaun Bersesama telah dibuka untuk membantu pengurusan hasil bagi perjanjian tersebut dan ianya dikendalikan bersama-sama oleh Plaintif dan Defendan yang mana

Plaintif telahpun menempatkan empat (4) orang pekerja di tempat Defendan bagi operasi akaun tersebut. Di samping itu, lagi laporan-laporan bulanan adalah disediakan bersama-sama bagi segala hasil jualan yang diterima daripada penjualan stok tersebut dan akaun-akaun adalah diteliti dan diaudit oleh juruaudit dan akauntan Plaintif sendiri. Di dalam ini keadaan ini walaupun urusan perakaunan Akaun Bersesama itu dilaksanakan di tempat Defendan tetapi pengurusan dan pengendalian akaun tersebut tidak dikendalikan atau dikawal oleh Defendan sepenuhnya tetapi ia dikendalikan bersama-sama empat orang pekerja Plaintif yang ditempatkan di tempat Defendan. Apatah lagi laporan-laporan bulanan dan akaun-akaun bagi Akaun Bersesama tersebut diaudit dan diperiksa oleh juruaudit dan akauntan Plaintif. Justeru apa yang jelas di dalam kes ini, Defendan bukanlah penjaga bersendirian (sole guardian) Akaun Bersesama tersebut. Defendan juga tidak mempunyai kawalan sepenuhnya terhadap Akaun Bersesama tersebut di mana Plaintif juga mempunyai kawalan atas Akaun Bersesama ini dengan penempatan empat pekerja di tempat Defendan, justeru berupaya serta dengan mudah sahaja menyemak serta mempunyai akses kepada Akaun Bersesama ini.

- [44] Dengan yang demikian, walaupun pada asasnya menurut perjanjian tersebut Defendan adalah bertanggungjawab di dalam pengendalian wajar akaun (keeping proper account) bagi pembelian dan penjualan stok melalui Akaun Bersesama tersebut tetapi apabila operasi dan pengendalian Akaun Bersesama tersebut juga dikendalikan oleh Plaintif sepertimana yang di dalam kes ini, adalah dapatan

Mahkamah ini, keadaan Akaun Bersesama ini tidak membangkitkan atau mengwujudkan amanah mahupun tanggungjawab fidusiari ke atas Defendan. Apatah lagi di dalam kes ini, Defendan telah membuat tegasan bahawa pada semua masa yang matan pensyarikatan usahasama ini adalah di bawah kawalan *de facto* Plaintiff dan segala urusan pengakaunan adalah di dalam pengetahuan Plaintiff termasuklah Akaun Bersesama tersebut. Tegasan ini telah tidak dinafikan langsung oleh Plaintiff. Dengan yang demikian, adalah jelas di sini Akaun Bersesama tersebut bukanlah satu akaun berkonsepkan amanah.

Isu kelewatan dan akuisens

[45] Persoalan seterusnya betulkah wujud kelewatan tidak munasabah dan kelengahan melampau di pihak Plaintiff sehingga membangkitkan akuisens terhadap Plaintiff yang telah duduk di atas haknya terlalu lama dengan tidak berbuat apa-apa dan Defendan yang bergantung atas akuisens tersebut telah diprejudiskan di dalam membela tindakan terhadapnya.

[46] Undang-undang mengenai kelewatan tidak munasabah dan kelengahan melampau pihak untuk meneruskan tindakan dan kuasa mahkamah di dalam membatalkan tindakan atas alasan ini adalah juga mantap dan jelas.

[47] Di dalam kes **Sri Kelangkota-Rakan Engineering JV Sdn Bhd & 2 Ors v Arab-Malaysian Prima Realty Sdn Bhd & 7 Ors [2001] 2**

AMR 1354, Mahkamah Rayuan telah dirujuk kepada penghakiman **Lord Blackburn** di dalam kes **Erlanger v New Sembrero Phosphate Co (1878) 3 App Cas 1218** yang juga telah menerima pakai prinsip yang sama oleh Sir Barnes Peacock dalam kes **Board in Lindsay Petroleum Co. v Hurd (1874) LR 5 PC 221** yang menjelaskan mengenai doktrin kelengahan dan kelewatan dalam Mahkamah Ekuiti. **Lord Blackburn** di muka surat 1279 telah berkata berikut:

“The doctrine of laches in Court of Equity is not an arbitrary or a technical doctrine. Where it would be practically unjust to give a remedy, either because the party has, by his conduct, done that which might fairly be regarded as equivalent to a waiver of it, or where by his conduct and neglect he has, though perhaps not waiving that remedy, yet put the other party in a situation in which it would not be reasonable to place him if the remedy were afterwards to be asserted, in either of these cases, lapse of time and delay are most material, but in every case, if an argument against relief, which otherwise would be just, is founded upon mere delay, the delay of course not amounting to a bar by any statute of limitations, the validity of that defence must be tried upon principles substantially equitable. Two circumstances, always important in such cases, are the length of the delay and the nature of the acts done during the interval, which might affect either party and cause a balance of justice or injustice.”

[48] Sebagai panduan, kes berkaitan pembatalan tindakan atas kegagalan meneruskan tindakan *for want of prosecution* sesuai juga dirujuk. Di dalam kes **Birkett v James [1977] 2 All ER 801**, Lord Diplock telah menggariskan prinsip dan garis panduan bagaimana kuasa budi bicara mahkamah perlu dilaksanakan di dalam membatalkan tindakan *for want of prosecution* yang mana di muka surat 805, beliau berkata:

“...I shall refer to as *Allen v McAlpine*, the Court of Appeal laid down the principles on which the jurisdiction has been exercised ever since. Those principles are set out, in my view accurately, in the note to RSC Ord 25 r 1, of the current White Book. The power should be exercised only where contumelious, e.g. disobedience to a peremptory order of the court or conduct been inordinate and inexcusable delay on the part of the Plaintiff or his lawyers, and (b) that such delay will give rise to a substantial risk that it is to cause or to have caused serious prejudice to the defendants either as between themselves and the plaintiff or between each other or between them and a third party. ...”

[49] Prinsip ini telah diterimapakai di mahkamah-mahkamah di Malaysia dan ini telah dinyatakan dengan jelasnya di dalam kes **Toh Hock Thye & Ors v Toh Chwee Biow [1982] 1 MLJ 152** di mana Mahkamah Persekutuan telah memutuskan berikut:

- (1) the plaintiff's action is liable to be dismissed for want of prosecution when the court is satisfied that (a) the plaintiffs default has been intentional and contumelious or (b) the plaintiff or his lawyer is guilty of such inordinate and inexcusable delay that the defendant has been prejudiced by it;
- (2) in his case the appellants having kept the suit in abeyance for five years and three months during which they remained completely inactive and having given no answer nor satisfactory explanation at all as to this inactivity when called upon to do so by the court, were guilty of inordinate and inexcusable delay if not also of intentional and contumelious conduct which entitled the court to dismiss their action for want of prosecution.

[50] Di dalam kes **Toh Hock Thye & Ors v Toh Chwee Biow** ini, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa Perayu yang telah membiarkan tindakan selama lima tahun tiga bulan tanpa

mengambil tindakan aktif dan telah tidak memberi penjelasan yang memuaskan atas mengapa tidak ada sebarang tindakan telah diambil dalam tempoh tersebut, maka dalam keadaan ini Perayu adalah bersalah atas kelewatan tidak munasabah dan kelengahan melampau yang menjustifikasikan mahkamah untuk membatalkan tindakan Perayu *for want of prosecution*. Molek juga dinyatakan disini apa yang dikatakan oleh Salleh Abas HMP (YAA pada ketika itu) di muka surat 504:

“...The delay of five years and three months in our view is by no means short. It is long enough to enable a baby to grow into a big child with ability to talk intelligently and be in a kindergarten preparatory to normal schooling. In our view such delay apart from being inordinate and inexcusable has also resulted in adverse affects on the respondent. The prejudice to him here is not merely confined to the possibilities of not having a fair trial or in the form of failing memory of the witnesses or lack of documents and non-availability of witnesses but also encompassing the psychological effect which the suit had on him for having it hung over his head for the last five years or so, (see Biss v Lambeth). If we take into account the totality of the period from the commencement of the cause of action on 2 October 1951, the time span of this would be 28 years 10 months and 24 days. Such a lengthy period is surely too long, extending as it were more than a quarter of a century.”

[51] Berbalik kepada kes ini, apa yang nyata tindakan Plaintiff telah difailkan pada 25.8.2000. Setelah lapan (8) bulan memfailkan tindakannya, Plaintiff telah memfailkan Notis Untuk Menghadiri Pra Perbicaraan Pengawasan Kes pada 25.4.2001 (Eksibit ‘MM-3’). Setelah memfailkan Eksibit ‘MM-3’, tidak ada apa-apa tindakan telah diambil oleh Plaintiff untuk meneruskan tindakannya sehinggalah

tahun 2014. Setelah mahkamah menetapkan kes untuk pengurusan kes dan arahan-arahan diberikan semasa pengurusan kes Plaintiff telah memfailkan (1) Ikatan Pliding, (2) Ikatan Dokumen Plaintiff Plaintiff (I) dan (II), (3) Pernyataan Isu-Isu Untuk Dibicarakan, (4) Fakta-fakta yang dipersetujui dan (5) Ringkasan Kes. Apa yang jelas dan nyata adalah Plaintiff telah tidak mengambil apa-apa tindakan dan berdiam diri selama lebih 13 tahun. Malahan Plaintiff telah meletakkan kesalahan kelewatan ini di bahu mahkamah dengan mengatakan fail mahkamah hilang dan tidak dapat dikesan. Memandangkan kes ini merupakan suatu kes sivil, sekiranya Plaintiff benar-benar bersungguh untuk meneruskan tindakannya terhadap Defendan apabila pada pertama kali dimaklumkan bahawa fail hilang dan tidak dapat dikesan, Plaintiff dengan mudahnya boleh membina semula fail *reconstruct file* dan seterusnya memfailkan suratcara-suratcara yang sewajarnya untuk perbicaraan penuh dan memohon daripada mahkamah untuk menetapkan kes untuk perbicaraan. Di sini apa yang Plaintiff lakukan adalah setakat bertanyakan kedudukan kes kepada Mahkamah tanpa membuat apa-apa tindakan pro-aktif yang dinyatakan tadi. Kes ini adalah tindakan Plaintiff untuk menegakkan haknya dan dalam keadaan ini Plaintifflah seharusnya bertindak cergas bagi memastikan kesnya berjalan dan bukanlah meletakkan beban kelewatan itu ke atas Mahkamah. Untuk ini saya suka merujuk kepada apa yang dikatakan oleh Mokhtar Sidin H (YA ketika itu) di dalam kes **R Rajasingam v Balwant Singh Purba [1996] 2 MLJ 554:**

“With the greatest respect, we are of the view that it is not an explanation at all. Even if it is, we do not think it is satisfactory and reasonable and is not acceptable. As can be seen from the record of appeal, the documents involved in reconstruction of the file has less than 40 normal pages. Particularly with there being modern technology to make copies of those documents, we fail to understand why it took 1 ½ years to reconstruct the file. There is no suggestion that some of the documents were missing from the respondent’s file. If it is so, the respondent could easily got them from the appellant or his solicitor. No such request was ever made to the appellant or his solicitor suggesting the documents were available with the respondent all the time. As such we see no reason why it took such a long time for the respondent to file copies of those documents with the registry. In our view, there was inordinate delay on the part of the respondent and his solicitor. In our view, no reasonable excuse had been given for the delay.”

[52] Berbalik semula kepada kes ini, memandangkan peguam telah meletakkan kesalahan atas kelewatan Mahkamah, Mahkamah ini telah meneliti dengan terperinci surat-menyurat peguam Plaintiff di dalam rekod Mahkamah dan mendapati bahawa surat-surat peguam Plaintiff bertanyakan mengenai kedudukan fail hanya bermula pada bulan Ogos 2008 melalui surat mereka bertarikh 5.8.2008 dan kemudian daripada itu, terdapat surat bertarikh 5.1.2009, 16.4.2012 dan surat bertarikh 31.3.2014. Fail ini hanya dibina semula pada 18.6.2014 oleh peguam Plaintiff.

[53] Pertamanya, perlu dinyatakan di sini surat peguam Plaintiff bertanyakan kedudukan kes hanya berlaku selepas tujuh (7) tahun dari tarikh notis pra-pengawasan kes pada 25.4.2001. Dalam tempoh tujuh (7) tahun itu, Plaintiff telah berdiam diri dengan tidak

melakukan apa-apa tindakan tanpa penjelasan langsung. Keduanya, selepas daripada surat pertama bertarikh 5.8.2008, Plaintiff selanjutnya telah mengambil masa selama lebih kurang enam (6) tahun baru mengambil tindakan untuk membina semula fail. Ketiga, dari masa berdiam diri, pertama kali bertanyakan fail dan membina semula fail, Plaintiff telah mengambil masa selama tiga belas (13) tahun. Fail yang dibina semula hanya merangkumi 23 mukasurat pliding termasuk terjemahannya. Maka, jika dibandingkan dengan kelewatan di dalam kes **R Rajasingam** yang mana Plaintiff mengambil masa satu setengah (1½) tahun untuk membina semula dokumen sebanyak 40 muka surat dan tempoh tersebut telah diputuskan bahawa ianya adalah suatu kelewatan yang tidak munasabah, maka adalah dapatan Mahkamah ini, nyata tempoh masa tiga belas (13) tahun yang diambil Plaintiff untuk membina semula ikatan pliding sebanyak 23 muka surat termasuk terjemahan dan menjilidkan dokumennya sendiri adalah satu kelewatan yang sangat melampau.

- [54] Mahkamah ini juga bersependapat dengan peguam Defendan bahawa memandangkan Plaintiff telah duduk di atas haknya dengan begitu lama, kelewatan tidak munasabah dan kelengahan melampau ini telah menimbulkan prejudis kepada Defendan kerana tempoh masa tiga belas (13) tahun adalah masa yang sebegitu lama dan pastinya ini telah memprejudis Defendan yang antara lain ini tidak membolehkan Defendan mencari bukti dokumen atau keterangan untuk mengemukakan pembelaan yang lengkap dan penuh terhadap tuntutan Plaintiff terhadapnya, tidak membolehkan Defendan mencari

saksi-saksi bagi menegakkan pembelaan Defendan untuk membela tindakan ini, Defendan terpaksa membuat semakan atas dokumen-dokumen yang tidak boleh dikesan dan ada di antara saksi-saksi yang disenaraikan untuk dipanggil Defendan telahpun meninggal dunia dan empat kakitangan Plaintiff dan akauntan yang ditempatkan di tempat Defendan tidak dimaklum sama ada masih bekerja dengan Plaintiff lagi atau tidak. Apatah lagi di dalam kes ini kes ini Defendan bukan sahaja terpaksa mengesan saksi-saksi yang bertugas dengannya pada tahun 1991-1993 yakni 21 tahun dahulu tetapi juga saksi-saksi yang bekerja dengan Plaintiff pada masa itu yang ditempatkan di tempatnya. Selain daripada saksi-saksi tersebut kes ini juga melibatkan pencarian-pencarian dokumen lama. Adalah menjadi dapatan mahkamah ini bahawa terdapat kelewatan tidak munasabah dan kelengahan melampau di pihak Plaintiff dan Plaintiff telah gagal memberi penjelasan yang memuaskan atas kelewatan yang tidak menasabah tersebut. Kelewatan tidak munasabah selama 13 tahun dari tarikh pemfailan Eksibit 'MM-3' dan jika mengira masa dari kausa tindakan bermula telah memakan masa selama iaitu dua puluh satu (21) tahun. Kelewatan di dalam kes ini adalah tidak syak lagi satu kelengahan yang melampau yang memprejudiskan Defendan.

[55] Perlu dinyatakan di sini juga bahawa mahkamah ini sedar bahawa fail telah dibina semula pada 18.6.2014 dan kes ini telahpun ditetapkan untuk perbicaraan pertama kali pada 8 hingga 10.9.2014 tetapi tarikh perbicaraan tersebut telah dilapangkan dengan pemfailan Kandungan 10 ini. Namun begitu, satu soalan akan ditimbulkan iaitu

memandangkan kes ini telahpun sampai ke tahap tarikh perbicaraan perbicaraan penuh ditetapkan kenapa tidak mahkamah ini menolak sahaja permohonan Defendan dalam Kandungan 10 untuk membatalkan tuntutan Plaintiff dan sewajarnya meneruskan sahaja perbicaraan penuh dengan pemanggilan saksi-saksi. Adalah pandangan dan dapatan mahkamah ini bahawa bilamana jika dari pliding dan affidavit bersama keterangan dokumentar yang ada di hadapan mahkamah ini, pemutusan isu-isu undang-undang yang dibangkitkan daripada perkara fakta-fakta yang tidak dipertikaikan boleh ditentukan oleh mahkamah ini seperti yang telahpun diputuskan. Bagi Mahkamah ini, meneruskan perbicaraan penuh semata-mata atas alasan bahawa suratcara-suratcara bagi perbicaraan penuh telah ditetapkan dan tarikh perbicaraan telah difailkan sedangkan dari pliding-pling dan affidavit, tuntutan Plaintiff adalah satu tuntutan yang jelas dan nyata tidak boleh dipertahankan (plain and obvious Plaintiff's claim is unsustainable) dan tuntutan Plaintiff adalah satu tuntutan yang remeh dan temeh (frivolous or vexatious) akan menimbulkan ketidakadilan. Lagipun, di dalam pertimbangan prinsip-prinsip equiti seperti estoppel, kelewatan yang melampau atau akuisens (estoppels, laches or ecquiscence) yang ditimbulkan, mahkamah hendaklah menimbangkan segala fakta dan keadaan yang merangkumi kes tersebut and setelah berbuat demikian memutuskan apakah yang adil di dalam kes itu. Di dalam kes di hadapan mahkamah ini, keadilan menuntut mahkamah ini untuk membatalkan tuntutan Plaintiff atas kelewatan dan kelengahan melampau. (Sila lihat **Sri Kelangkota-Rakan Engineering JV Sdn**

**Bhd & 2 Ord v Arab-Malaysian Prima Realty Sdn Bhd & 7 Ors
[2001] 2 AMR 1354 - di muka surat 1387)**

[56] Atas alasan-alasan di atas, permohonan Defendan di dalam Kandungan 10 adalah dibenarkan dengan kos.

[57] Setelah mendengar hujahan ringkas kedua-dua peguam Defendan dan Plaintif mengenai kos bagi permohonan ini, mahkamah telah memerintahkan kos sebanyak RM 8000.00 dibayar kepada Defendan.

.....
(DATUK AZIMAH BINTI OMAR)

Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi NCVC 13 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Bertarikh 19hb November 2014

Peguam Plaintiff - Tetuan GH Tee & Co
Encik N Rajentharan

Peguam Defendan - Tetuan Amrit & Co
Encik R.K. Sharma
Encik Amrit Pal Singh